

25 JUL 2000

Abdullah-UPKO

KEWUJUDAN SEMULA UPKO BANTU KUKUHKAN BN DI SABAH, KATA ABDULLAH

KOTA KINABALU, 25 Julai (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata kewujudan semula Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Bersatu (UPKO) di Sabah telah membantu mengukuhkan Barisan Nasional (BN) di negeri ini.

Bagaimanapun, katanya, walaupun telah bertambah kukuh, anggota-anggota BN mesti terus meningkatkan usaha untuk memenangi hati rakyat di negeri ini.

"Penerangan hendaklah ditingkatkan dari semasa ke semasa bahawa hanya BN yang dapat membawa kemajuan," katanya dalam perutusannya sempena kongres keenam UPKO yang akan dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Khamis ini.

Abdullah berkata anggota BN juga perlu sentiasa waspada dengan tindak tanduk parti lawan yang giat menyebarkan tohmahan terhadap kerajaan.

"Saya menyeru seluruh rakyat Malaysia di Sabah khasnya kaum Kadazandusun dan Murut untuk terus menyokong BN, yang terbukti berjaya dalam melaksanakan program pembangunan di negara ini," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Pergerakan Pemuda BN Datuk Hishammuddin Tun Hussein, dalam perutusannya pada kongres pergerakan pemuda UPKO, berkata pergerakan pemuda BN mestilah bertekad memastikan kesinambungan formula perkongsian kuasa di negara ini.

"Kita sama-sama mempertahankan keharmonian negara dengan membendung serta menolak segala ancaman yang boleh menjejaskan perpaduan dan kesejahteraan negara," katanya.

Beliau juga yakin generasi muda kaum Kadazandusun dan Murut akan menyedari bahawa mereka perlu merealisasikan kekuatan politik mereka melalui UPKO dalam usaha untuk terus berada dalam arus perdana politik negara.

"Pergerakan Pemuda UPKO adalah satu organisasi yang memayungi, melindungi dan memimpin kepentingan suku kaum Kadazandusun dan Murut dalam kerajaan BN. Pergerakan ini mempunyai tanggungjawab besar untuk membantu menterjemahkan konsep bermuafakat BN di peringkat negeri dan nasional," katanya.

-- BERNAMA

JS RI